



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENGUMUMAN PELANTIKAN PENERUSI PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) ingin mengumumkan pelantikan Dato' Gerald Hans Isaac sebagai Pengerusi, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa 8 April 2019.

Dato' Gerald Hans Isaac mempunyai pengalaman luas dalam bidang perfileman dan terkenal sebagai seorang pelakon, penerbit dan pengarah filem. Beliau telah menerima pelbagai anugerah dalam industri perfileman tempatan.

Beliau juga merupakan Pengarah Urusan, Social 360 Sdn Bhd, sebuah syarikat yang terlibat dalam bidang keselamatan dan insurans. Beliau pernah menjadi ahli Lembaga Penasihat Finas dan ahli lembaga Persatuan Penerbit Filem Malaysia pada tahun 2012.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Institute of Commerce, Singapura dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hotel dari Kolej Stanford, Malaysia.

Pelantikan Dato' Gerald Hans Isaac berdasarkan peruntukan dalam Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 ini menggantikan Dato' Samsuni Mohd Nor yang telah menjalankan tugas sebagai pemangku Pengerusi FINAS selama lebih empat bulan yang lalu. KKMM mengucapkan terima kasih kepada Dato' Samsuni Mohd Nor untuk perkhidmatan beliau dalam menjalankan tugas sebagai pemangku jawatan tersebut.

Kementerian berharap Pengerusi yang baharu ini akan berkhidmat untuk meningkatkan usaha-usaha FINAS bagi membangunkan industri ini. Saya juga berharap agar ahli-ahli lembaga FINAS akan memberikan kerjasama yang penuh kepada Dato' Gerald Hans Isaac dalam melaksanakan pembaharuan berdasarkan hala tuju kerajaan.

GOBIND SINGH DEO

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

10 APRIL 2019